



**Pelita Brunei**  
Penerbitan: 15 Mei 1985

15 MEI, 1985

*Dengan nama Allah yang  
pemurah dan maha penyayang*

## SEMINAR KEBUDAYAAN: MENGENAL PASTI PERMASALAHAN KEBUDAYAAN KITA

**BUAT** pertama kali Seminar Kebudayaan telah dapat diadakan yang pembukaan rasminya telah disempurnakan oleh Yang Dimulikan Pehin Menteri Pembangunan baru-baru ini. Seminar lima hari itu dianjurkan oleh

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan disertai oleh lebih 100 orang yang sebahagian besarnya mewakili sektor Kerajaan.

Ada sebanyak tujuh buah kertas kerja yang diseminarkan. Keseluruhannya adalah memperkatakan kebudayaan kita dari berbagai-bagai perspektif. Dan dengan memberi tema bahawa Kebudayaan Asas Keperibadian Bangsa maka kita berfaham seminar tersebut lebih bertujuan untuk mengketarakan kesedaran berkebudayaan yang menyeluruh dan meliputi semua aspek kehidupan kita. Bagaimanapun tentulah dalam seminar tersebut akan terdapat berbagai tanggapan tentang sejauh mana keperibadian kita dapat dilihat menerusi kebudayaan.

Kerana itu walaupun penyertaan dalam seminar tersebut tidak meluas yang sekira-kira melibatkan kesemua atau sebahagian besar sektor-sektor dalam negara ini tetapi kita percaya perbincangan-perbincangan atau sekurang-kurangnya kertas-kertas kerja yang dibentangkan akan membuka jalan bagi mengenal pasti berbagai permasalahan kebudayaan kita. Dari sana mungkin akan dirumuskan berbagai saranan atau sekurang-kurangnya pemikiran untuk dijadikan sebarang perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Salah satu aspek permasalahan itu ialah memperkenalkan serta memperkembangkan kebudayaan. Apa yang mustahak ialah terlebih dahulu mestilah ada pemahaman bahawa kebudayaan yang akan diperkenalkan dan dikembangkan itu adalah dalam maknanya yang luas dan menyeluruh. Kemudian mestilah pula jelas bahawa dalam konteks negara kita kebudayaan itu ialah kebudayaan yang lahir dari faktor-faktor yang dominan dalam sosio-budaya dan sosio-politik kita. Faktor tersebut tidak lain tidak bukan ialah merupakan ciri-ciri yang terdapat dalam konsep negara ini sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja di mana keislaman dan keMelayuan telah merupakan nilai-nilai asas yang dianggap sebagai 'imperative' bagi negara kita.

Maka dalam hubungan ini ertikata memperkenalkan serta memperkembangkan kebudayaan itu adalah lebih merupakan usaha mengketarakan nilai-nilai asas yang imperative yang sekaligus merupakan asas dan falsafah kenegaraan yang sudah pun diterima dalam Perlembagaan negara dan undang-undang bertulis lainnya, khasnya dalam Undang-Undang Taraf Kebangsaan Tahun 1961 dan Pemasyhuran Mengangkat Raja Tahun 1959. Tentu sahaja usaha mengketarakan nilai sedemikian akan merupakan suatu perkara yang wajar, sebab ia adalah teras keperibadian

bangsa dan negara yang mana generasi demi generasi bangsa kita di masa-masa yang akan datang harus terus menerus mengekalkan identitinya dengan keperibadian tersebut.

Sesuai dengan fahaman bahawa kebudayaan itu meliputi dan menyeluruh semua aspek kehidupan maka usaha memperkenalkan dan memperkembangkannya mestilah juga selaras dan menyeluruh. Tidak patut terjadi sebarang percanggahan sebab jika yang sedemikian itu berlaku ia bukan sahaja melemahkan pencapaian bahkan akan membantutkan kebudayaan kita itu sendiri. Tegasnya kita berharap akan melihat kesan mengketarakan kebudayaan itu berupa pemahaman dan penerimaan oleh semua pihak dan seterusnya menarik penglibatan semua pihak itu bagi bergerak ke arah mamlat yang sama sebagai sebahagian daripada usaha menuju dan mencapai aspirasi nasional kita.

Pemikiran-pemikiran yang berbangkit dalam seminar yang diadakan itu bolehlah diambil kira dalam kita mengenal pasti berbagai-bagai permasalahan kebudayaan kita. Selentunya orang ramai akan memerhati sejauh mana seminar yang diadakan akan dapat mengilhami pihak-pihak berkenaan untuk mengketarakan suasana berkebudayaan dalam ertikatanya yang menyeluruh itu.

## Hadiri sidang di Fiji

BERAKAS. — Pengarah Penjara, Awang Abd. Wahab bin

## 10 peserta terpilih

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 10 orang peserta telah dipilih untuk memasuki Peraduan Mari Bercerita Peringkat Negara.

Mereka yang terpilih terdiri dari Awang Mahadini bin Ahmad Daud, Dayang Wan Haslina binti Ibrahim, Dayang Sauzana binti Haji Abas, Awang Yardi bin Yaakub, Dayang Zaliha binti Mesli, Dayang Aryanti binti Mohd. Zen, Awang Mohammad Hazmi bin Ahmad Daud, Dayang Madzlinah binti Jumaat, Dayang Ithnah binti Haji Latip dan Dayang Rosmawati binti Mohammad.

Haji Md. Said beserta dua orang Pegawai Penjara kini sedang mengikuti Persidangan Sixth Asian and Pacific Correctional Administrators di Kepulauan Fiji.

Pegawai Penjara ke persidangan itu ialah Awang Abd. Manan bin Hj. Abd. Rahman dan Awang Mohamad bin Haji Awang Damit. Mereka berlepas ke Fiji dari Kuala Lumpur, setelah selesai mengikuti kursus Pengurusan Jabatan Penjara anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam diundang ke persidangan itu. Persidangan yang bermula Isnin lepas akan berakhir pada 17 Mei ini.

## ADAKAN RUNDINGAN DENGAN MUASSASAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan yang diketuai oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Mohd. Zain kini sedang berada di Saudi Arabia bagi mengadakan beberapa rundingan.

Rombongan tersebut akan mengadakan rundingan dengan pihak MUASSASAH di Mekah dan Madinah, termasuk rundingan mengenai rumah kediaman jemaah haji Brunei Darussalam di Mekah, Mina dan Madinah. Selain itu rundingan juga akan diadakan dengan pihak Imigresen di Jeddah untuk mendapatkan kemudahan bagi jemaah haji Brunei Darussalam.

Bersama dalam rundingan selama dua minggu itu ialah dua orang Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Abd.

Rahman bin Khatib Abdullah dan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah. Rombongan itu telah meninggalkan negara ini pada 6 Mei lepas.



YDM Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Awang Haji Md. Zain dan rombongan sejurus sebelum berlepas ke tanah suci. — Gambar ihsan JHEU.



DATO Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada salah seorang kanak-kanak cacat yang berjaya dalam acara Sukan Kecil tersebut. — Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

# Usaha membimbing anak-anak cacat: PERLU KERJASAMA IBU BAPA

Oleh Zubaidah HS

BERAKAS. — Ibu bapa atau penjaga anak-anak yang kurang bernasib baik di-

ingatkan supaya dapat memberikan kerjasama kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dalam membimbing anak-anak mereka agar masa hadapan mereka akan terjamin.

Berkat adanya kerjasama dari ibu bapa ini nanti, maka semua usaha-usaha untuk membimbing anak-anak yang kurang bernasib baik akan dapat dilaksanakan dengan giat dan mudah.

Demikian telah diingatkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya ketika merasmikan Sukan Kecil Kali ke-3, bagi Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan yang berlangsung di padang jabatan tersebut di sini baru-baru ini.

Pada memenuhi tujuan tersebut, jelasnya, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan juga telah mengundang seorang pakar dari negara jiran yang khusus didatangkan pada membantu negara kita dalam membentuk rancangan-rancangan bimbingan yang sesuai bagi anak-anak yang kurang bernasib baik ini.

Menurut beliau, anak-anak kita yang kurang bernasib baik ini sebenarnya mempunyai keistimewaan yang

## Pegawai Penerangan berkursus di UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan kini berada di United Kingdom bagi mengikuti kursus selama tiga bulan.

Mereka ialah Pegawai Penerangan Awang Momin bin Ahmad dan Pegawai Penerangan Dvg. Hajjah Shamsiah binti Abd. Latif.

Mereka sekarang menjalani kursus Perhubungan Awam di Central Office of Information London di negara itu. Kedua pegawai tersebut telah ber-tolak pada 28 April lepas.

tersendiri mengikut kemampuan mereka khususnya dalam bidang sukan.

Keazaman yang telah mereka buktikan pada hari ini, tambah Dato Paduka Awang Sidek, adalah merupakan satu usaha yang positif, kerana ini akan dapat mendedahkan kepada orang ramai terhadap kemampuan mereka dalam bidang sukan.

"Dalam hal yang demikian ibu bapa patut tampil memberikan bantuan dan dorongan terhadap mereka untuk lebih bergiat lagi dalam apa jua lapangan yang tertentu," tegasnya.

Katanya, dengan usaha yang gigih dan berterusan oleh setiap pihak yang terlibat sebilangan anak-anak yang kurang bernasib baik ini akan dapat kesempatan yang baik khususnya lagi memenuhi segala harapan ibu bapa mereka.

Sebab pada hari ini saja, jelasnya, kita telah melihat dan sekurang-kurangnya telah mendengar mereka yang kurang bernasib baik telah berjaya menghadapi kehidupan yang lebih baik daripada kita orang biasa.



Dayang Norsiah Abdul Gapar

# 'PENGABDIAN' bawa kejayaan Dayang Norsiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dayang Norsiah Abdul Gapar, 33, dengan novel karyanya 'PENGABDIAN' berjaya memenangi hadiah penghormatan pertama bernilai \$15,000 dalam Peraduan Menulis Novel Sempena Kemerdekaan Brunei 1983 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Novel ini diselesaikan ketika saya bercuti selama sebulan. Watak utamanya, Dr Siti Noor adalah rekaan semata-mata manakala watak-watak lain diolah dari watak-watak di sekeliling saya seperti keluarga dan kawan-kawan," jelas beliau ketika ditemubual.

Ibu kepada dua orang anak perempuan itu yang mempunyai kelulusan di bidang Kaji Kimia Hayat dan bertugas di Bahagian Kaji Penyakit, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, memberitahu, "dalam sehari, saya memperuntukan antara 9 hingga 10 jam menulis novel ini. Kebanyakannya di waktu malam dan subuh."

Menurut Dayang Norsiah ketika ini beliau sedang menyiapkan sebuah lagi novel, berunsur sejarah, "tetapi ia terpaksa memakan masa yang lama kerana memerlukan penyelidikan yang teliti."

Novel 'PENGABDIAN' berkisar di sekitar watak utama Dr. Siti Noor dan watak-watak sampingan membawa tema tentang pengabdian seorang gadis terhadap tugasnya sebagai seorang doktor di samping berbuat bakti kepada anak-anak yatim. Ceritanya membawa mesej yang baik seperti pendidikan tinggi dari Barat tidak semestinya mengubah kepercayaan beragama dan melarikan diri dari kebudayaan sendiri, cinta suci yang tidak mengenal batas dan penderitaan boleh menimbulkan kesedaran kepada manusia.



TETAMU Kehormat, DATO Paduka Awang Selamat bin Haji Munap bersama lain-lain hadirin di majlis tersebut.

## Bersama membangun kemajuan ekonomi

BERAKAS. — Dalam suasana merdeka dan membangun adalah wajar rakyat dan penduduk negara ini berusaha bersama ke arah pembangunan dan kemajuan dalam bidang ekonomi yang menjadi tulang belakang kepada sesebuah negara yang membangun.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur EXPO '85, Awang Haji Abdul Latif bin Abd-hamid menyatakan perkara itu dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Perasmian EXPO '85 pada hari Rabu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Katanya, meskipun bilangan penduduk negara ini sedikit di bandingkan dengan negara lain tetapi mempunyai kadar pendapatan sebagai salah satu yang paling tinggi di dunia.

"Pendedahan secara langsung kepada aspek sebagaimana yang ditunjukkan dalam EXPO ini adalah satu perkara yang boleh mendatangkan faedah kepada pertumbuhan ekonomi yang merangkumi pemikiran penduduk-penduduk sesebuah negara seperti Negara Brunei Darussalam ini," ujarnya.

Mengenai EXPO itu, beliau memberitahun ianya diadakan sebagai satu projek sampingan Dewan Perniagaan dan Perpustakaan Melayu dari masa ke semasa selain dihasratkan menyambut kedatangan bulan puasa dan hari raya serta Tahun Belia Antarabangsa.

Kami berharap EXPO yang diadakan ini akan memberi manfaat bukan saja kepada para peniaga malah kepada para pengguna dari seluruh lapisan masyarakat untuk mengenal pasti barang-

barang dan keperluan-keperluan yang mereka kehendaki dari masa ke semasa," jelasnya.

Di antara yang hadir di majlis itu Pengarah lembaga Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh, Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Haji Abd Mokti bin Haji Mohd daud, pegawai-pegawai kanan kerajaan, ahli-ahli Jwatankuasa MBB, pegawai-pegawai kanan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dan Pengurus-pengurus bank.

BERAKAS. — Usaha Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu menganjurkan EXPO tahunan yang memberi peluang usahawan luar negeri mengenalkan barangan mereka di samping memberi kesempatan peniaga tempatan menyertai dan menambah pengalaman perlu diteruskan.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Belia Brunei, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin melahirkan harapan itu ketika berucap merasmikan EXPO '85 yang berlangsung selama empat hari mulai hari Rabu lepas di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Menurutnya, mereka yang dimaksudkan tidak akan melepaskan peluang untuk mengembangkan usaha niaga melalui hubungan dan sesama mereka.

"Saya menaruh harapan agar peserta EXPO '85 boleh



AWANG Haji Mohamed bin Haji Serudin memotong pita perasmian EXPO '85. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## EXPO TAHUNAN PERLU DITERUSKAN — Haji Mohamed

Oleh Abdul Karim HAB

memberi sumbangan ke arah memajukan bidang ekonomi Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan peniaga dan usahawan tempatan di samping memupuk silaturahim dan kerjasama ke arah perbaikan dan kemajuan terutama kerjasama serantau," ujarnya.

Mengenai hasil pendapatan EXPO itu yang sebahagianya akan didermakan kepada Tabung Kebajikan dan Majlis Belia Brunei, beliau berkata, ia satu bukti bahawa golongan peniaga dan usahawan bukan setakat golongan yang hanya memikirkan untuk meraih keuntungan.

"Mereka adalah sebahagian anggota masyarakat yang merasakan denyut tanggungjawab terhadap anggota

masyarakat lain yang juga perlu dihulurkan kerjasama," tambahnya.

EXPO yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Belia Brunei itu disertai oleh para peniaga dan usahawan dari Singapura, Filipina,

Pakistan, Thailand dan Indonesia.

Barang-barang yang diper-tunjukkan terdiri dari perabot dan perkakas rumah, barang-barang perhiasan, alat-alat tulis dan pakaian.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi ketika memberikan cenderamata kepada Duta Besar Korea, Tuan Yang Terutama Choi Bae Shik, sejezus selepas TYT menyampaikan buku-buku yang dihadiahkan kepada DBP Brunei.

## Kedutaan Korea sumbangkan buku kepada DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerima sumbangan berbagai jenis buku dari Kedutaan Korea di sini, bertempat di Bilik Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka di ibu negara pada Isnin lepas.

Penyerahan buku-buku tersebut dilakukan oleh Duta Korea ke negara ini, Tuan Yang Terutama Choi Bae Shik kepada Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Awang Haji Ahmad bin Kadi dengan disaksikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Fatimah binti Haji Mohd. Husain, Pegawai Kanan Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Alidin bin Haji Othman, Ketua Perpustakaan Dayang Nellie bin Haji Sunny dan Tuan Park seorang pegawai dari Kedutaan Korea.

Sebanyak 54 buah buku yang disumbangkan kesemuanya dalam bahasa inggeris yang di antara lain isi kandungannya mencerminkan kehidupan, kebudayaan serta tradisi orang-orang Korea. Di antara buku-buku tersebut sesuai untuk bacaan kanak-kanak dan juga untuk bahan rujukan.

Awang Haji Ahmad bin Kadi juga kemudiannya telah menghadiahkan beberapa buah buku kepada Tuan Yang Terutama Choi Bae Shik yang di antara lain tujuannya bagi mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua buah negara terutamanya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

## NOVEL Sempena Kemerdekaan Brunei 1983



TETAMU Kehormat, DATO Paduka Awang Selamat bin Haji Munap bersama lain-lain hadirin di majlis tersebut.

## PEMENANG-PEMENANG PERADUAN MENULIS NOVEL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang penulis wanita tanahair, Dayang Norsiah Abdul Gapar melalui karyanya 'PENGABDIAN' berjaya memenangi Hadiah Penghormatan Pertama bernilai \$15,000 dalam Peraduan Menulis Novel Sempena Kemerdekaan Brunei 1983 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hadiah Penghormatan Kedua sebanyak \$10,000 dimenangi oleh penulis novel 'PUNCAK PERTAMA', Awang Haji Muslim bin Haji Burut dan Hadiah Penghormatan Ketiga sebanyak \$5,000 pula dimenangi oleh Awang Haji Mahmud bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakar melalui novelnya 'GENGGAM API JADI

BARA'. Manakala Hadiah Penghargaan masing-masing bernilai \$2,500 dimenangi oleh Awang Muhd. Yunus Abu Bakar dengan novelnya 'KIAMBANG BERTAUT BIDUK TERSANGKUT'; Awang Chong Ah Fok dengan novelnya 'KEMBALI'; dan Awang Haji Abdul Rahman Mohd. Yusoff dengan novelnya 'RUPA DAN JIWA'.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Selamat bin Haji Munap yang berlangsung di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada malam Ahad lepas.

Di antara yang hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Ahmad bin Dato Mat-nor, diplomat-diplomat asing, pegawai-pegawai kanan DBP serta jemputan-jemputan khas.


 sudut **Royal Brunei** سودوت

# RBA SERTAI TRAVEX 1985 DI BANGKOK

DIRAJA Brunei adalah antara syarikat-syarikat penerbangan, 170 buah hotel dan wakil-wakil pelancongan ASEAN yang menyertai TRAVEX 1985 di Bangkok.

Penyertaan yang julung-julung kali itu telah menarik perhatian ramai, yang juga sebagai usaha meningkatkan taraf dalam masyarakat pelancongan di seluruh dunia, serta mewujudkan minat dalam rangkaian penerbangan pada memajukan diri sebagai sebuah syarikat penerbangan ASEAN

yang bertindak sealiran dengan rakan-rakan ASEAN yang lain.

Cany Mah dari Borneo Sunshine.

Dalam TRAVEX 1985 itu, Diraja Brunei dikendalikan oleh Pengurus Jualan, Pegawai Perkhidmatan Pemasaran dan Perunding Perhubungan Awam syarikat. Ianya mempamerkan serba sedikit tentang Brunei Darussalam dengan pemandangan sungai, hutan, Kampung Ayer, meriam, tenunan dan Syarikat Penerbangan itu sendiri.

Serentak dengan itu satu Forum Pengembaraan ASEAN dan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Pelancongan telah dijalankan. Jamuan makan tengah hari dan malam telah diberikan oleh Malaysia, Indonesia, Thailand dan Sheraton Hotel.

Negeri Thai telah mengadakan pertunjukan di Rose Garden yang menunjukkan kehidupan seharian masyarakat negara itu dan jamuan berbagai jenis makanan Thai di tebing sungai. Acara kemuncak ialah Pesta Songkran dan tarian, bunga api dan perarakan.

Selain itu, penerangan juga diadakan melalui filem video dan beberapa risalah. Rombongan Brunei termasuk Awang Jalil Dato Marsal, Yang Dipertua BATA dan

## TERIMA PENGHARGAAN DARI RBA

TIGA wakil pengembaraan telah menerima penghargaan kerana mencapai jualan lebih sejuta ringgit bagi Diraja Brunei dalam tahun kewangan April 1984 - Mac 1985.

Anthony Tours dan Ken Travel dari Bandar Seri Begawan, dan Freme Travel dari Kuala Belait menerima lencana Perlaksanaan Cemerlang mereka, sebagai tanda penghargaan Penerbangan Diraja Brunei.

Lencana penghargaan telah disampaikan oleh Pengurus Perdagangan Diraja Brunei, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Ahmad di pejabat masing-masing.



PENGURUS Am Anthony Tours, Anthony Lim berjabat tangan dengan Pengiran Ali bin Pengiran Haji Ahmad, setelah menerima lencana Perlaksanaan Cemerlang.

## Penuntut-penuntut Brunei di New Zealand raikan Hari Kebangsaan

ULANGTAHUN Pertama Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari, turut diraikan sama oleh penuntut-penuntut Brunei di Christchurch, New Zealand.

Upacara dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari wakil penuntut-penuntut Brunei, Awang Hassan bin Tengah dan diikuti dengan bacaan doa selamat oleh Awang Hamidon Awang Damit.

Majlis itu turut dihadiri oleh tetamu dari negara-negara Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Christchurch.

Ianya juga telah memberi kesempatan bagi berkenalan mesra dengan

tetamu dari negara-negara asing, di samping memperkenalkan lebih

dekat Brunei Darussalam di mata dunia antarabangsa.

Majlis diakhiri dengan pameran mengenai hal-ehwal keBruneian.



SAMBUTAN Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Christchurch, New Zealand yang dikelolakan oleh penuntut-penuntut Brunei di sana.

WAKIL Pengembaraan Diraja Brunei di Kuala Belait dan Seria baru-baru ini telah menghadiri Seminar Pelancongan Darmawisata di pejabat tempahan tiket Diraja Brunei di Kuala Belait.

Seminar yang dikendalikan oleh Pengurus Jualan, George Tan dan Awang Sulaiman Kani, Pegawai Perkhidmatan Pemasaran (lihat gambar kiri) itu dipercayai akan dapat membantu penjualan pelancongan darmawisata Diraja Brunei.

Seminar seumpama itu juga pernah diadakan tahun lepas bagi Daerah-Daerah Brunei-Muara, Kuala Belait dan Seria.



# KEINGINAN HIDUP BERDIKARI DEDAHKAN BELIA-BELIA KEPADA HAL-HAL POSITIF DAN NEGATIF

## PENDAHULUAN

1985, sembilan belas tahun lima tahun yang sedang kita lalui ini adalah Tahun Belia Antarabangsa, dalam mana Brunei Darussalam yang mengamalkan konsep kenegaraan Melayu Islam Beraja dengan sendirinya termasuk di dalamnya. Bumi sejagat ini yang keseluruhan penduduknya berjumlah 4,445 juta, sesungguhnya menampung sejumlah 30 peratus golongan belia yang berumur sekitar 10 hingga 24 tahun - inilah terminologi yang dipakai untuk mentakrifkan golongan belia. Dengan kata lain sebanyak 500 juta belia di dunia ini yang berumur antara 10 hingga 24 tahun, suatu jumlah yang agak besar bagi meneraju kehidupan di masa yang akan datang kerana mereka ini dianggap pewaris generasi kini.

## KONFLIKS

Setiap negara di dunia menghadapi masalah golongan belia ini walaupun tidak serupa tapi tingkat persoalan hampir seimbang. Keinginan untuk berdiikuti rata-rata menyelubungi para belia dewasa ini meskipun di suatu tempat dan suatu waktu memerlukan bimbingan serta tunjuk ajar dari orang tua. Nasihat orang tua adalah suatu kewajaran dalam pembentukan sebuah keluarga yang harmoni.

Keinginan untuk berdiikuti mendedahkan para belia kepada hal-hal yang positif dan negatif. Yang negatifnya ialah seperti kebiasaan menghisap rokok, penyalahgunaan obat berbahaya dan dadah serta lain-lain kesan dari pertembungan sosial persekitaran.

Yang positifnya itu banyak, dan ini paling menguntungkan sesebuah negara kerana mereka ini diharapkan menjadi pewaris bijaksana di masa akan datang. Tidak dapat dinafikan bahawa pada setiap negara di dunia ini kalangan intelektual adalah terdiri dari golongan belia.

## PENGARUH

Secara psikologi, golongan belia sentiasa diombang-ambingkan oleh perasaan-bimbang. Mereka merasa bimbang terhadap kemajuan zaman moden dan gaya hidup tradisional.

Pengaruh pendidikan ibu bapa, alam persekitaran, pergaulan bermasyarakat serta bernegara cukup kuat untuk membentuk peribadi belia suatu negara itu. Sebagai contoh, di sebuah negara industri yang begitu maju di Barat telah menempatkan golongan belia mereka dalam keadaan yang serba membimbangkan kesan dari sikap hidup yang serba moden. Kenapa? Belia-belia di negara tersebut terancam kepada bunuh diri, ketagih minuman keras, penyalahgunaan dadah serta kemalangan lalu lintas. Kemalangan lalu lintas dan bunuh diri selalunya berpunca dari penyalahgunaan dadah serta alkohol.

## SOSIAL BUDAYA

Sosial budaya dalam suatu masyarakat merupakan faktor yang tak dapat diabaikan. Kalau sosial budaya suatu masyarakat itu longgar dari tatasusila, bayangkanlah! Belia tidak akan menutup mata atau pura-pura tak tahu terhadap sebarang pengaruh negatif bagi perkembangan jiwanya. Memang, kita tak boleh mengelakkan hal-hal negatif ini secara menyeluruh tetapi belia-belia harus mengambil sikap tegas dalam menghindari gejala-gejala yang tidak sihat itu dari mempengaruhi perkembangan jiwanya. Bagaimana pula tentang belia-belia Negara Brunei Darussalam ini?

Beruntung bagi belia-belia kita kerana kita mempunyai suatu sikap yang cukup jelas iaitu mengamalkan kehidupan yang bertuhan, bersultan, beradab serta beradat.

Empat faktor ini iaitu bertuhan, bersultan, beradab serta beradat tali-temali dalam membentuk sosial budaya masyarakat Brunei dari dahulu hingga sekarang. Dan empat faktor ini terkandung dalam konsep

kenegaraan Melayu Islam Beraja. Dengan mengamalkan konsep inilah, insya Allah, dalam ertikata menghayati serta memahaminya maka belia-belia Brunei Darussalam tidak akan diberati serta dibebani oleh gejala-gejala yang kurang sihat seperti yang menimpa kepada negara maju industri di Barat. Gejala itu bukan saja jadi masalah individu malah jadi masalah sosial, bahkan jadi beban umum pada negara yang bersangkutan.

## MAJLIS BELIA-BELIA

Terlanjur kita menentang Tahun Belia Antarabangsa ada eloknya kita meninjau suatu pertubuhan sukarela pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai tujuh puak dari keturunan Bangsa Melayu ini. Pertubuhan yang dimaksudkan itu ialah Majlis Belia-Belia yang secara langsung dan tidak langsung mempunyai saham tersendiri dalam kegiatan para belia di negara ini. Sedar ataupun tidak, ia juga mencorakkan para belia kita pada waktu ini kerana umum mengetahui bahawa melalui Majlis Belia-Belia inilah para belia kita didedahkan kepada pergerakan belia antarabangsa.

Majlis Belia-Belia ini adalah merupakan gabungan persatuan-persatuan belia serta persatuan beliawanis dari semua empat daerah di negara ini. Nama Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam ini mula dipergunakan pada tahun 1964 kerana sebelumnya pertubuhan sukarela ini adalah dinamakan Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei.

## MAJLIS PEMUDA PEMUDI

Sejarah penubuhan Majlis Pemuda Pemuda Negara Brunei bermula pada bulan April 1959, yang mula dipimpin oleh Pengerusiannya Pengiran Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang sekarang ini dikenali sebagai YAM Pengiran Setia Negara.

Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei selepas itu pula dipimpin oleh Pengiran Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid yang sekarang dikenali sebagai YAM Pengiran Penggawa Laila Bentera Istiadat Diraja Dalam Istana, beliau memimpin pergerakan sukarela ini dari tahun 1960 hingga 1964.

Tujuan utama Majlis Pemuda Pemuda pada waktu itu ialah antaranya berusaha secara sukarela bagi meninggikan taraf belia-belia dalam bidang keibadian dan sosial. Lalu pada tahun 1964, nama Majlis

Belia-Belia dipergunakan bagi menggantikan nama Majlis Pemuda Pemuda itu.

## PEMIMPIN-PEMIMPIN

Hingga sekarang Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam telah dipimpin oleh enam orang pemimpin termasuklah dua orang pemimpin yang meneraju Majlis Pemuda Pemuda yang disebutkan di atas.

YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz telah memimpin MBB pada tahun 1965 hingga 1968. Kemudian MBB dipimpin pula oleh YDM Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd Zain dari tahun 1969 hingga 1976. Mulai tahun 1977 hingga tahun 1981 MBB dipimpin oleh Haji Awang Jaya bin Abdul Latif. Dari tahun 1982 hingga sekarang MBB dipimpin oleh YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Haji Awang Hussain.

Satu hakikat yang tidak dapat disangkal bahawa "pucuk pimpinan Majlis Belia-Belia sejak dulu hingga sekarang ini adalah dipegang oleh pegawai-pegawai kanan Kerajaan, maka bersatulah tenaga-tenaga belia itu di bawah satu pucuk pimpinan yang sihat bagi membangun negara sesuai dengan kehendak negeri dan rakyat yang inginkan keamanan, kemakmuran dan kemajuan hidup." demikian petikan ucapan YDM Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Awang Mohd Zain dalam pembukaan rasmi Kongres Agung Perwakilan MBB pada 27 Januari 1980 bertempat di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

## PRINSIP

Pentadbiran yang cekap serta jujur, kewangan yang mencukupi serta kerjasama yang erat merupakan tiga prinsip yang ditegaskan oleh MBB pada awal tahun 1970an bagi mencapai matlamat yang dituju.

Di samping itu MBB telah juga mengemukakan panduan kasar pergerakannya dalam bidang pendidikan serta pelajaran dengan cara menimbulkan semangat gigit belajar, memandu belia-belia semangat beragama serta menghayati Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap lagi sempurna, memberi perhatian pada penggalan dan menimbulkan kebudayaan Brunei sesuai dengan kehendak zaman, pemupukan perasaan muhibah di antara kaum dalam bidang sukan serta olahraga, menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat kerjasama di kalangan persatuan-persatuan belia, dan seterusnya memainkan peranan di peringkat antarabangsa dalam kegiatan belia.

## BERSATU UNTUK MEMBELA

Bersatu Untuk Membela adalah judul nama lagu MBB yang memberi gambaran tentang hasrat MBB sebagai satu angkatan sadar yang mewakili zamannya serta mendukung ciri-ciri ke-Bruneian di atas landasan perlembagaannya sesuai dengan ajaran agama Islam, dengan menjunjung serta menyembahkan taat setia kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

"Belia, belia, maju dan jaya satukan tenaga. Brunei tanahair kita, Melayu bahasa dan bangsa, Islam jadi panduan kita, belia

tegak mendukungnya. Angkatan, angkatan, angkatan sadar mewakili zaman. Kami menyembahkan setia kepada Sultan dan negara, tidak akan berputih mata. Negeri Brunei kami jaga," demikian senikata lagu MBB itu yang kalau diteliti serta diperhalusi merangkumi aspek-aspek kenegaraan Melayu Islam Beraja.

Tema lagu MBB ini sendiri menggambarkan pendukung golongan belia Darussalam yang sememangnya telah mengamalkan serta memperkembangan sama ada sadar ataupun tidak konsep kenegaraan Melayu Islam Beraja yang merupakan manifestasi perpaduan rakyat negara ini.

Konsep Melayu Islam Beraja bukanlah perkara baru, asas-asasnya sudah ditanamkan sejak dulu serta zaman baharu lagi kemudian menyusul dalam pergerakan belia, lalu langsung menjadi manifestasi perpaduan rakyat negara ini.

Saya tidaklah akan menganalisa lebih jauh, cukup sekadar mengatakan bahawa MBB melalui pergerakan belianya dari dahulu hingga sekarang mempunyai saham terbesar dalam mengamalkan serta memperkembangkan konsep kenegaraan Melayu Islam Beraja kerana lebih dari 60 peratus penduduk negara ini adalah tergolong kaum belia - suatu aset yang amat berharga bagi mewarisi bangsa, bangsa Brunei yang beribikah.

## PROSES PERUBAHAN

Bersempena dengan Tahun Belia Antarabangsa ini belia-belia Brunei Darussalam tentu tidak terkecuali dari konflik serta proses perubahan antara suasana zaman moden dengan suasana tradisional. Di satu sudut kita bertembung dengan kemajuan teknologi yang begitu pesat, di sudut lain kita masih melihat keluhuran cara hidup tradisional. Pertembungan ini tidak mustahil jadi bahan pemikiran belia-belia kita seperti juga halnya jadi gejala tidak sihat yang menimpa golongan belia di beberapa buah negara maju di Barat.

Mahukah kita masalah ketagihan dadah, penghisap rokok, kemalangan lalu lintas, pengangguran dan sebagainya menghantui fikiran para belia kita? Tepuk dada tanya selera, bayangkan.

## BELUM LEWAT

Menanti terus, bukanlah suatu tindakan yang bijaksana. Belia-belia digalakkan mencari ihtiar sendiri yang bersifat positif di samping inisiatif pihak-pihak berkenaan baik pertubuhan belia itu sendiri, mahupun pihak-pihak yang bersangkutan dengan alam pendidikan yang bukan saja ditujukan kepada ibu bapa malah jentera kerajaan.

Belia itu sendiri, pertubuhan belia, ibu bapa, masyarakat sekitar, jentera-jentera pemerintah yang bersangkutan dengan pendidikan adalah faktor-faktor penting yang mempengaruhi proses perubahan antara suasana zaman moden dengan suasana tradisional. Jadi belum lewat bagi pihak-pihak ini mengambil daya usaha masing-masing bagi memanfaatkan asas-asas yang sudah sedia ada sesuai dengan citarasa sembilang belas tahun lima. Tahun Belia Antarabangsa.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 15 Mei hingga 18 Mei 1985

| TEMPAT PERSINGGAHAN                                     | TARIKH    | HARI   | MASA               |
|---------------------------------------------------------|-----------|--------|--------------------|
| Sekolah Rendah Kerajaan Serasa                          | 15.5.1985 | Rabu   | 10.00-10.30 pagi   |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mentiri                         | 15.5.1985 | Rabu   | 10.45-11.15 "      |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 15.5.1985 | Rabu   | 11.30-12.00 t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang                     | 15.5.1985 | Rabu   | 2.30-3.30 petang   |
| Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Liang dan Lumut.         | 16.5.1985 | Khamis | 10.00-11.00 pagi   |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah           | 16.5.1985 | Khamis | 2.30-3.30 petang   |
| Sekolah Rendah Kerajaan A. Hj. Md. Yusof Katimahar      | 18.5.1985 | Sabtu  | 8.30-9.30 pagi     |
| Penjara Jerudong                                        | 18.5.1985 | Sabtu  | 9.45-10.45 "       |
| Sekolah Rendah Kerajaan Mu'au                           | 18.5.1985 | Sabtu  | 11.00-12.00 t/hari |
| Sekolah Rendah Kerajaan Birau                           | 18.5.1985 | Sabtu  | 1.30-2.30 petang   |
| Sekolah Rendah Kerajaan Kiudang                         | 18.5.1985 | Sabtu  | 2.45-3.45 "        |
| Sekolah Rendah Kerajaan Lamunin                         | 18.5.1985 | Sabtu  | 4.00-5.00 "        |

# GAMBAR-GAMBAR SEKITAR ISTIADAT B



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien mendahului Istiadat Memachari Yang Amat Mulia Second Lieutenant Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah (atas).

Y.A.M. Second Lieutenant Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah semasa Istiadat Berpachar yang berlangsung di Balai Indera Buana, Istana Darul Hana (atas kiri).

Y.A.M. Second Lieutenant Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah junjung ziarah kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, bonda Yang Amat Mulia selepas sempurna Istiadat Berpachar (kiri).

Y.A.M. Second Lieutenant Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien sejurus sebelum Istiadat Berarak (kanan).



YANG Amat Mulia Kanun Diraja Pen di sebelah kiri, b



KENDERAAN kh Istiadat Berarak



KENDERAAN yang membawa Alat-alat Kebesaran Diraja dalam Istiadat Berarak tersebut (gambar kiri) sementara gambar atas kelihatan murid-murid sekolah berbaris sepanjang jalan yang dilalui oleh perarakan sambil mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.

15 Mei, 1985.

## HATAN

Gambar-gambar oleh  
Pengiran Haji Yaakub  
Ak Bahar PHO  
Ak Bakar PHO



Anak Abdul Wadood Bolkiah dengan diapit oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila dan Yang Amat Mulia Pengiran Pekerna Setia Raja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali di Istana Darul Hana bagi istiadat Berpachar.



Mula Second Lieutenant Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah mula bergerak untuk berangkat.



KEBAWAH D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Besar sejurus sebelum bacaan doa selamat bagi Istiadat Berarak, di Balai Indera Buana, Istana Darul Hana.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika berangkat ke Istiadat Berpachar di Balai Indera Buana, Istana Darul Hana (atas).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah dan lain-lain kerabat Diraja ketika berangkat ke Istiadat Berpachar (kanan).

ISTIADAT Berarak bagi Yang Amat Mulia Second Lieutenant Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah juga dialu-alukan dengan pukulan hadrah oleh penuntut-penuntut sekolah (kiri).



# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PERMOHONAN** adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan-Jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

### 1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III

(Pejabat Pos, Kementerian Perhubungan)

(Bil.: 75/1985-1)

**Tanggungaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- i) Hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III ataupun kelulusan yang sebanding dengannya. **ATAU**  
ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan atau penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.
- Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakunan atau Ilmu Hisab.
- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

### 2. PEMELIHARA KAWASAN:

(Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 75/1985-2)

**Tanggungaji:** F. 1-2 EB. 3 — \$445-\$590 sebulan.

### 3. ATENDAN' RUMAH KEBAJIKAN:

(Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 75/1985-3)

**Tanggungaji:** F. 3-4-5 EB. 6 — \$550-\$790 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

Pemohon-pemohon mestilah berumur 20 hingga 50 tahun dan hendaklah boleh membaca dan menulis dengan berkesan.

### 4. PENJAGA KOLAM BERENANG:

(Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 75/1985-4)

**Tanggungaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III Melayu.
- Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (a), tetapi telah pandai berenang atau adalah seorang pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom adalah merupakan satu kelebihan.

#### Tugas-tugas:

Calon-calon dikehendaki menjalankan tugas-tugas sebagai Life Guard (Penyelamat Nyawa).

### 5. TRADESMAN TINGKAT I:

(Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 75/1985-5)

**Tanggungaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya tahu membaca dan menulis.
- Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kerja-kerja sebagai Tradesman disesebuah workshop motor-mesin.
- Boleh memperbaiki dan membuat kerja-kerja kerosakan-kerosakan rangan kenderaan seperti truck-truck, mesin-mesin, motor sangkut dan mesin rumput.
- Boleh membaca dan faham untuk menyenak nombor barang-barang ganti di dalam buku manual/catalogue spare parts.
- Mempunyai lesen memandu Kelas III dan V dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu.

### 6. TRADESMAN TINGKAT II:

(Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan)

(Bil.: 75/1985-6)

**Tanggungaji:** F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur 20 tahun ke atas.
- i) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan Sijil City and Guilds atau Sijil Sekolah Pertukangan yang tertentu atau kelulusan yang sebanding dengannya. **ATAU**  
ii) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) (i) tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun sebagai tradesman di sesebuah workshop motor/mesin-mesin.

### 7. TUKANG CAT:

(Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)

(Bil.: 75/1985-7)

**Tanggungaji:** F. 1-2-3-4 EB. 5 — \$445-\$700 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun.
- Mempunyai pengalaman sebagai tukang cat dan tugas-tugas lain buruh.
- Pemohon-pemohon mestilah sihat tubuh badan, biasa bekerja setinggi 100 kaki dan boleh berenang tidak kurang dari 220 ela.

#### Tugas-tugas:

Calon-calon yang berjaya akan menjalankan tugas-tugas mereka di bawah pengawasan Pemeriksaan Lampu-lampu Isyarat mengenai dengan rawatan, membersihkan dan mencatat lampu-lampu pancang dan tanda-tanda pelayaran laut di kawasan perairan-perairan Brunei Darussalam dan Pelabuhan-Pelabuhan. Sebagai tambahan, mereka juga di-

kehendaki menjaga kawasan-kawasan yang bertentangan dengan rangka-rangka berkenaan yang didirikan di darat daripada ditumbuhi oleh semak belukar dan memotong rumput-rumput serta menebang pokok-pokok jika dikesan.

### 8. TUKANG LUKIS:

(Pejabat Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 75/1985-8)

**Tanggungaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang 18 tahun.
- Lulus Tingkatan III Melayu atau yang sebanding dengannya.
- Pandai melukis dan mestilah boleh menyalin semula pelan atas kertas transparent.
- Berpengalaman dalam melukis pelan yang mudah dan mengetahui serta menyenak peta tanah adalah merupakan satu kelebihan.

### 9. PEMANDU MOTOR SANGKUT:

(Pejabat Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 75/1985-9)

**Tanggungaji:** F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun.
- Mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mengetahui alam sekitar dan seluk belok Sungai Belait.
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.
- Mempunyai pengetahuan memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil enjin Motor Sangkut, merupakan satu kelebihan.

#### Tugas-tugas:

Pemohon-pemohon mestilah bersedia bertugas dan bermalam di kampung-kampung pedalaman Ulu Sungai Belait.

### 10. PENYELAMAT:

(Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 75/1985-10)

**Tanggungaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Pemohon-pemohon mestilah pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom.
- Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan di (a) tetapi adalah seorang pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom juga akan dipertimbangkan.

### 11. PELAYAN DEWAN PAMERAN:

(Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

(Bil.: 75/1985-11)

**Tanggungaji:** F. 1-2-3-4-5 EB. 6 — \$445-\$790 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

Calon-calon mestilah berumur antara 25 dan 40 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei. Mereka mestilah mempunyai sebanyak sedikit pengetahuan Bahasa Inggeris.

#### Tugas-tugas:

- Membersihkan dewan pameran.
- Mengawasi orang ramai yang melawat.

### 12. TUKANG ELEKTRIK LAUT:

(Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan) (Bil.: 75/1985-12)

**Tanggungaji:** E. 3 EB. 4 — \$660-\$875 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

Calon-calon yang berumur antara 20 hingga 45 tahun hendaklah mempunyai pengalaman dalam pekerjaan yang berkenaan selama sekurang-kurangnya 2 tahun.

### 13. PEMBUAT KAPAL:

(Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan) (Bil.: 75/1985-13)

**Tanggungaji:** E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Calon-calon hendaklah berumur antara 20 hingga 45 tahun. Mereka hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu dan membuat kapal/perahu.
- Mestilah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai jenis-jenis kayu yang diperlukan untuk membuat dan memperbaiki perahu.
- Mestilah cekap menggunakan alat-alat perkakas berkuasa elektrik.

### 14. TUKANG MASAK:

(Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan) (Bil.: 75/1985-14)

**Tanggungaji:** F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah VI Melayu atau yang sebanding dengannya serta boleh menulis dan membaca.
- Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai Tukang Masak Sekolah-Sekolah, Asrama-Asrama, Restoran-Restoran, Kantin-Kantin yang dikendalikan oleh Kerajaan atau Swasta boleh juga dipertimbangkan.

### 15. PEMANDU TINGKAT II:

(Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 75/1985-15)

**Tanggungaji:** F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

- Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

- Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas II (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

- Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

### 16. TELEFON OPERATOR:

(Pejabat Pos, Kementerian Perhubungan)

(Bil.: 75/1985-16)

**Tanggungaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

#### Tugas-tugas:

Selain daripada menjadi Penyambut atau Operator, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

### 17. PEKERJA LUAR BATUK KERING:

(Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan) (Bil.: 75/1985-17)

**Tanggungaji:** F. 2-3-4-5 EB. 6 — \$495-\$790 sebulan.

#### Kelayakan dan Pengalaman:

- Calon-calon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun.
- Lulus Tingkatan III Melayu atau yang sebanding dengannya.
- Calon-calon mestilah mempunyai pengalaman dalam urusan-urusan yang dikehendaki di Bahagian Klinik Dada.

#### Tugas-tugas:

- Menyiasat ke atas pesakit-pesakit tibi, menghantar ubat-ubat ke rumah-rumah pesakit-pesakit seperti yang dikehendaki oleh Pakar Penyakit Dada.
- Memberikan suntikan kepada keluarga-keluarga pesakit dan sebagainya.
- Membantu kepada Pekerja Luar Kanan Penyakit Tibi di luar dan dalam Klinik Dada.
- Mengikut arahan dari masa ke masa oleh Pakar Perubatan Penyakit Dada dan seumpamanya.
- Sanggup bertugas di mana-mana daerah-daerah dalam negeri ini.

#### Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dibantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1985.

(E/45/78)

## Medical and Health Department Ministry of Education and Health Negara Brunei Darussalam

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tender Box situated at:

4th. Floor,  
Jabatan Kementerian Kewangan,  
Jalan James Pearce,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

By 12.00 noon on Monday 27th. May, 1985.

2. Details tender documents can be obtained from Account Section, Medical Headquarters, Medical & Health, Ministry of Education and Health.

TENDER NO. DMS/13/1985

SUPPLY OF DRUGS AND

MEDICINES PART II

(Tender Deposit \$500.00)

TENDER NO. DMS/14/1985  
SUPPLY OF RENAL UNIT DISPOSABLE

(Tender Deposit \$500.00)

TENDER NO. DMS/15/1985

SUPPLY OF DENTAL SUPPLIES

(Tender Deposit \$500.00)

TENDER NO. DMS/16/1985

SUPPLY OF C.S.S.D. SUPPLIES

(Tender Deposit \$500.00)

TENDER NO. DMS/17/1985

SUPPLY OF LABORATORY SUPPLIES

(Tender Deposit \$500.00)

TENDER NO. DMS/18/1985

